

PEMBERITAHUAN

PEPERIKSAAN RADIO AMATUR SIRI KEDUA TAHUN 2012

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menganjurkan Peperiksaan Radio Amatir (RAE) siri kedua bagi tahun 2012 bagi memenuhi kehendak Peraturan 26(2), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000. Butiran lengkap berhubung peperiksaan ini adalah seperti berikut.

Siri Peperiksaan	Tarikh dan Masa Peperiksaan	Tarikh Tutup Permohonan	Pusat Peperiksaan (Wilayah)
RAE 2012-2	19 Disember 2012 jam 2.00 petang	19 Oktober 2012 jam 5.00 petang	Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sabah & Sarawak

Kelayakan bagi menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:

- Berumur 14 tahun ke atas pada hari peperiksaan dilangsungkan; dan
- Warganegara atau Penduduk Tetap Malaysia (Bagi bukan warganegara, sila rujuk mana-mana pejabat SKMM untuk pengesahan kelayakan).

Permohonan boleh dibuat sama ada secara atas talian (online) atau secara manual dengan menggunakan borang permohonan bercetak. Permohonan secara atas talian boleh dibuat melalui laman sesawang rasmi SKMM di www.skmm.gov.my atau URL <http://sems.skmm.gov.my>. Borang bagi permohonan secara manual boleh diperolehi dari laman sesawang rasmi SKMM dan di semua pejabat SKMM.

Untuk permohonan secara manual, borang permohonan yang telah lengkap diisi, bayaran yuran peperiksaannya dan salinan dokumen pengenalan diri pemohon (Kad Pengenalan, Kad Kuasa atau Pasport) hendaklah dihantar ke pejabat wilayah SKMM yang sepadan dengan pusat peperiksaan yang dipilih. Alamat pejabat-pejabat wilayah SKMM adalah seperti berikut.

Pilihan Pusat Peperiksaan	Alamat Pejabat Wilayah SKMM bagi penghantaran borang permohonan	Nombor untuk dihubungi
UTARA	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Utara Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji Jalan Bagan Luar, 12000 Butterworth, Pulau Pinang	Tel: +6 04 32 38 22 8 Faks: +6 04 32 39 44 8
TENGAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Tengah Aras 17, Wisma SunwayMas No. 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C Seksyen 9, 40100 Shah Alam, Selangor	Tel: +6 03 55 18 77 06 Faks: +6 03 55 18 77 10
SELATAN	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Selatan Suite 7A, Aras 7, Menara Ansar, Jalan Trus 80000 Johor Bharu, Johor	Tel: +6 07 22 64 70 0 Faks: +6 07 22 78 70 0
TIMUR	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Timur B8004, Tingkat 1, Sri Kuantan Square Jalan Telok Sisek, 25000 Kuantan, Pahang	Tel: +6 09 51 50 07 8 Faks: +6 09 51 57 56 6
SABAH	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sabah 6-10-10, Tingkat 10, No. 6, Menara MAA Lorong Api-Api 1, Api-Api Centre 88000 Kota Kinabalu, Sabah	Tel: +6 08 82 70 55 0 Faks: +6 08 82 53 20 5
SARAWAK	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pejabat Wilayah Sarawak Aras 5 (Utara), Wisma STA 26, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim 93450 Kuching, Sarawak	Tel: +6 08 23 46 50 0 Faks: +6 08 23 31 90 1

Sila tulis perkataan '**RAE 2012-2**' di sudut atas sebelah kiri sampul surat anda. Yuran peperiksaan adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00)** dan perlu dijelaskan melalui **Wang Pos Malaysia, Kiriman Wang** atau **Deraf Bank** atas nama '**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**' dan perlu dikepilkkan bersama borang permohonan. Permohonan manual yang diterima dengan menyertakan pembayaran melalui kaedah selain dari yang dinyatakan di atas akan ditolak.

Jumlah calon bagi peperiksaan ini adalah terhad. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui laman sesawang SKMM dan melalui pos selewat-lewatnya tujuh hari sebelum peperiksaan dilangsungkan. Sila hubungi **Puan Ida Khairuniah Idris (+6 03 86 88 82 65)** untuk sebarang pertanyaan.

Alamat ibu pejabat SKMM adalah:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

www.skmm.gov.my